



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



**ARAHAN LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU  
(TAWARAN SUSULAN)  
POLITEKNIK PORT DICKSON  
SESI I : 2024/2025**



**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR  
POLITEKNIK PORT DICKSON**

**JHEP: 06-662 2014 / 2036 / 2011  
Faks: 06-662 2027**

## PERINGATAN PENTING



Baca maklumat am berikut dengan teliti dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar proses pendaftaran/lapor diri anda dapat berjalan dengan lancar dan memulakan pengajian anda di politeknik dengan selesa.

Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara tersebut di bawah tidak dipatuhi dan mengemukakan maklumat palsu. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga **berhak menarik balik tawaran tempat pengajian di Politeknik Port Dickson sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat di borang permohonan ke politeknik.**

1. Tawaran kemasukan pelajar akan dibatalkan jika:
  - i. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
    - Kewarganegaraan
    - Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir
    - Status kesihatan termasuk yang melibatkan anggota badan dan penglihatan
  - ii. Anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah
2. Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Port Dickson dengan kadar SEGERA sekiranya didapati **Rabun Warna** setelah melakukan pemeriksaan Doktor. Rujuk Borang BHEP 2 – 4/4.
  1. Diploma Kejuruteraan Mekatronik
  2. Diploma Kejuruteraan Elektrik
  3. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau)
  4. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga)
  5. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
  6. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)

*\*Syarat bagi program tersenarai tersebut adalah calon tidak Rabun warna.*

**TAWARAN INI ADALAH  
TANPA ASRAMA UNTUK  
PELAJAR LELAKI**

# ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.0 Pengenalan</b>	
1.1 Pendahuluan	4
1.2 Senarai Program Di Politeknik Port Dickson	4
1.3 Kampus Politeknik Port Dickson	5
1.4 Kalendar Akademik	7
<b>2.0 Maklumat Pendaftaran</b>	
2.1 Tarikh Laporan Diri (Pendaftaran Asrama)	8
2.2 Pendaftaran	9
2.3 Kemudahan Penginapan	10
2.4 Jadual Yuran	11
2.5 Pinjaman dan Biasiswa Pendidikan	12
<b>3.0 Minggu Transformasi Siswa</b>	
3.1 Kod Etika Pakaian Pelajar	13
<b>4.0 Perkara-Perkara Lain</b>	
4.1 Maklumat Tambahan	14
4.2 Kod Etika Pakaian Pelajar Khas Bagi Pelajar-Pelajar Jabatan Perdagangan Sahaja	15
LAMPIRAN A: Panduan Pendaftaran Pelajar Secara Dalam Talian	16
LAMPIRAN B: Panduan Muatnaik Gambar	17
LAMPIRAN C: Dokumen Yang Perlu Dibawa Semasa Hari Laporan Diri	19
LAMPIRAN D: Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian, Asrama Dan Bayaran Pelbagai	21
LAMPIRAN E: Fasiliti Di Politeknik Port Dickson	24
Senarai Semak Persediaan Pendaftaran Pelajar Baharu	25

## 1.1 PENDAHULUAN

Politeknik Port Dickson (PPD) mula beroperasi pada tahun 1990 dan merupakan Politeknik yang ke-6 daripada 36 buah Politeknik yang terdapat di seluruh Malaysia. Setelah memasuki tiga dekad beroperasi di Telok Kemang, kini Politeknik Port Dickson menawarkan 14 program peringkat Diploma.

Politeknik Port Dickson telah menjadi peneraju TVET apabila menjadi IPTA yang terulung dalam melahirkan graduan yang serba boleh dalam bidang teknikal di daerah mahupun negeri ini. Kemunculan PPD dengan pelbagai aktiviti dan program sepanjang tahun telah melonjakkan nama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi melalui jalinan kerjasama dengan pihak luar dalam mengharumkan nama negara kita.

### VISI

- Menjadi institusi TVET unggul bertaraf global.


### MISI

- Menghasilkan graduan TVET berkualiti, holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan yang memenuhi keperluan negara.
- Membangun dan melestarikan kerjasama pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar negara.
- Memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

## 1.2 SENARAI PROGRAM DI POLITEKNIK PORT DICKSON

BIL	KOD KURSUS	SINGKATAN KURSUS	NAMA PENUH PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN	NO PENGIKTIRAFAN MQA/ETAC/ SETARAF
<b>JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (JKA)</b>					
1	DA001	DKA	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13173</b>
2	DA005	DSB	DIPLOMA SENI BINA	6 SEMESTER	<b>MQA/FA3245</b>
<b>JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)</b>					
1	DE001	DET	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13230</b>
2	DE003	DTK	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMPUTER)	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13231</b>
4	DE004	DEP	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13174</b>
5	DE009	DEG	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (TENAGA HIJAU)	6 SEMESTER	<b>MQA/FA5155</b>
6	DE011	DEQ	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KECEKAPAN TENAGA)	6 SEMESTER	<b>MQA/FA14074</b>
<b>JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)</b>					
1	DM001	DKM	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13175</b>
2	DM002	DAD	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (AUTOMOTIF)	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13232</b>
3	DM004	DTP	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUATAN)	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13233</b>
4	DM011	DEM	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	6 SEMESTER	<b>MQA/FA13234</b>
<b>JABATAN PERDAGANGAN (JP)</b>					
1	DP001	DAT	DIPLOMA AKAUNTANSI	6 SEMESTER	<b>MQA/FA3253</b>
2	DP004	DPR	DIPLOMA PEMASARAN	6 SEMESTER	<b>MQA/FA3254</b>
3	DP007	DSK	DIPLOMA SAINS KESETIAUSAHAAN	6 SEMESTER	<b>MQA/FA3255</b>

### 1.3 KAMPUS POLITEKNIK PORT DICKSON



LAWAT PPD SECARA MAYA: <https://www.youtube.com/watch?v=IPxip4vWpJY>  
INFO KAMSIS (ASRAMA) PELAJAR: <https://tinyurl.com/mmjhsarm>  
PORTAL RASMI POLITEKNIK: <https://polipd.mypolycc.edu.my/>

## ASRAMA PELAJAR PEREMPUAN



LAWAT PPD SECARA MAYA: <https://www.youtube.com/watch?v=IPxip4vWpJY>

INFO KAMSIS (ASRAMA) PELAJAR: <https://tinyurl.com/mmjhsarm>

PORTAL RASMI POLITEKNIK: <https://polipd.mypolycc.edu.my/>

### **PERHATIAN!!!**

Menjadi tanggungjawab bagi setiap pelajar menjaga dengan baik segala harta benda yang tersedia ada di dalam bilik, baik ianya milik bersama atau persendirian. Buku-buku, pakaian atau apa juga barangan hak milik pelajar hendaklah ditulis nama sendiri dan dijaga dengan cermat, bersih dan sempurna.

Sebarang wang atau barangan lain yang dijumpai hendaklah diserahkan kepada Ketua Felo atau Felo yang bertugas untuk diumumkan dan dipulangkan kepada pemiliknya.

Berikut merupakan senarai pakaian/barangan/peralatan yang dilarang sama sekali untuk dibawa masuk ke dalam Kamsis (Asrama):

1. Rokok / Vape / Pod
2. Pemakaian Seluar Jeans
3. Bahan Api
4. Pengering rambut (*Hair Dryer*)
5. Radio / Pembesar suara
6. Periuk Nasi / Periuk panas (*Hot Pot*)
7. Penghembus udara (*Air Blower*) / Penghawa dingin kecil (*Mini Aircond*)
8. Peti Ais Mini / Pembuat Ais
9. Penyambung soket (*Extension*) yang melebihi 2 soket.
10. Alatan tajam / Berbahaya
11. Makanan / Minuman terlarang (Arak / Alkohol)
12. Daun Judi
13. Cerek elektrik (Kapasiti 5L)

# 1.4 KALENDAR AKADEMIK



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

## KALENDAR AKADEMIK 2024/2025 PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

INSTITUSI / TARIKH		BIL. MINGGU	AKTIVITI	CATATAN	LATIHAN INDUSTRI (LI) / WORK BASED LEARNING (WBL)
*INSTITUSI A	*INSTITUSI B				
<b>SESI I : 2024/2025</b>					
28/07/24 - 03/08/24	29/07/24 - 04/08/24	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		<b>Politeknik</b> • LI / WBL ** 14/15 Julai 2024 – 28/29 November 2024 (20 minggu)  • Penilaian LI (Kejureraan sahaja) 01/02 Disember 2024 – 12/13 Disember 2024 (2 minggu)  <b>Kolej Komuniti</b> • LI / WBL ** 28/29 Julai 2024 – 14/15 November 2024 (16 minggu)  • Penilaian LI 17/18 November 2024 – 28/29 November 2024 (2 minggu)
04/08/24 - 14/09/24	05/08/24 - 15/09/24	6	Kuliah	• Hari Kebangsaan : 31/08/2024 (Sabtu)	
15/09/24 - 21/09/24	16/09/24 - 22/09/24	1	Cuti Pertengahan Semester	• Maulidur Rasul : 16/09/24 (Isnin) • Hari Malaysia : 16/09/24 (Isnin)	
22/09/24 - 16/11/24	23/09/24 - 17/11/24	8	Kuliah	• Hari Deepavali: 31/10/24 (Khamis) - kecuali Negeri Sarawak	
17/11/24 - 22/11/24	18/11/24 - 22/11/24	1	Minggu Ulang Kaji		
23/11/24 - 15/12/24	23/11/24 - 15/12/24	3	Peperiksaan Akhir Semester		
16/12/24 - 11/01/25	16/12/24 - 12/01/25	4	Cuti Akhir Semester	• Hari Krismas : 25/12/24 (Rabu) • Tahun Baru : 01/01/25 (Rabu)	
<b>SESI II : 2024/2025</b>					
05/01/25 - 11/01/25	06/01/25 - 12/01/25	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		<b>Politeknik</b> • LI / WBL ** 05/06 Januari 2025 – 22/23 Mei 2025 (20 minggu)  • Penilaian LI (Kejureraan sahaja) 25/26 Mei 2025 – 05/06 Jun 2025 (2 minggu)  <b>Kolej Komuniti</b> • LI / WBL ** 05/06 Januari 2025 – 24/25 April 2025 (16 minggu)  • Penilaian LI 27/28 April 2025 – 08/09 Mei 2025 (2 minggu)
12/01/25 - 15/02/25	13/01/25 - 16/02/25	5	Kuliah	• Tahun Baru Cina : 29 & 30 /01/25 (Rabu & Khamis)	
16/02/25 - 22/02/25	17/02/25 - 23/02/25	1	Cuti Pertengahan Semester		
23/02/25 - 29/03/25	24/02/25 - 30/03/25	5	Kuliah		
30/03/25 - 05/04/25	31/03/25 - 06/04/25	1	Cuti Perayaan	• Hari Raya Aidilfitri : 31/03/25 & 01/04/25 (Isnin & Selasa)	
06/04/25 - 03/05/25	07/04/25 - 04/05/25	4	Kuliah	• Hari Pekerja : 01/05/25 (Khamis)	
04/05/25 - 09/05/25	05/05/25 - 09/05/25	1	Minggu Ulang Kaji		
10/05/25 - 01/06/25	10/05/25 - 01/06/25	3	Peperiksaan Akhir Semester	• Hari Wesak : 12/05/25 (Isnin)	
02/06/25 - 02/08/25	02/06/25 - 03/08/25	9	Cuti Akhir Semester/ ***Semester Pendek	• Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong : 02/06/25 (Isnin) • Hari Raya Aidiladha : 06/06/25 (Jumaat) • Awal Muharram : 27/06/25 (Jumaat)	
<b>SESI I : 2025/2026</b>					
27/07/25 - 02/08/25	28/07/25 - 03/08/25	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		


\*INSTITUSI A - Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu

\*INSTITUSI B - Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

\*\*Terlalu kepada hari bekerja industri.

\*\*\*Pelaksanaan Semester Pendek bergantung kepada institusi. (Kuliah semester pendek bermula pada 02 Jun 2025)

Diluluskan oleh :

  
( Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail )  
Ketua Pengarah  
Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Tarikh : 8/2/24

## 2.1 TARIKH LAPOR DIRI

Semua pelajar perempuan yang akan melapor diri disarankan berpakaian sopan, berbaju kurung dan bertudung bagi pelajar muslim serta berambut kemas bagi pelajar non-muslim. Tarikh, masa dan tempat pelajar untuk melapor diri adalah seperti ketetapan berikut. Pelajar **WAJIB** hadir mengikut masa yang telah ditetapkan.

Tarikh	Masa	Program	Tempat
26 Ogos 2024	09.00 AM - 11.00 AM	Diploma Akauntansi Diploma Seni Bina Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau)	Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)
		Diploma Kejuruteraan Awam Diploma Pemasaran Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	
		Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Sains Kesetiausahaan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga)	
		Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Diploma Kejuruteraan Elektrik Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Diploma Kejuruteraan Mekatronik	



## 2.2 PENDAFTARAN

Sebelum hadir ke kampus, pelajar perlu:

No	Perkara	Tarikh	Rujukan
1	Membuat bayaran yuran.	Mulai 05 Ogos 2024 – 22 Ogos 2024	Perkara 2.4 (m/s 11)
2	Mendaftar secara dalam talian di <a href="http://spmp.polipd.edu.my/uspmp2/lo_gindaftarbaru.jsp">http://spmp.polipd.edu.my/uspmp2/lo_gindaftarbaru.jsp</a> dan mencetak salinan Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian.	Selepas 48 jam (waktu bekerja) bayaran dilakukan.	Lampiran A (m/s 16)
3	Memuatnaik gambar berukuran passport di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar	Selepas mendaftar secara dalam talian.	Lampiran B (m/s 17)
4	Membuat ujian sendiri ( <i>Rapid Test Kit, RTK</i> ) Covid-19, 48 jam sebelum hadir ke kampus. Sekiranya keputusan adalah positif, pelajar perlu emel serta memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk penangguhan kemasukan sehingga tamat tempoh kuarantin.	48 jam sebelum memasuki kawasan kampus.	<a href="mailto:jhep@polipd.edu.my">jhep@polipd.edu.my</a>
5	Melengkapkan Sampul 1 dan Sampul 2 serta diserahkan di kaunter. Sila rujuk Lampiran C.	Hari Lapor Diri (Seperti di surat tawaran) (Asrama) (Sampul 1)  Hari Lapor Diri (Seperti di surat tawaran) (JHEP) (Sampul 2)	Boleh dimuat-turun di Portal Rasmi Politeknik Port Dickson melalui pautan berikut: <a href="https://polipd.mypolycc.edu.my/index.php/kemasukan-pelajar-baharu-sesi-i-2024-2025-tawaran-susulan">https://polipd.mypolycc.edu.my/index.php/kemasukan-pelajar-baharu-sesi-i-2024-2025-tawaran-susulan</a>

## 2.3 KEMUDAHAN PENGINAPAN

Kemudahan penginapan di asrama pelajar.

- Hanya **PELAJAR PEREMPUAN SAHAJA** diberikan kemudahan penginapan asrama.
- Semua pelajar Semester 1 hingga Semester 2 (**Perempuan sahaja**) **DIWAJIBKAN** tinggal di asrama.
- Politeknik Port Dickson hanya menyediakan kemudahan asas di asrama seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi. **Bantal, cadar, sarung bantal serta keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri.**
- Pelajar yang ditawarkan asrama dilarang membawa apa sahaja jenis kenderaan kecuali basikal.
- Pelajar tidak dibenarkan memasak di dalam asrama. Keperluan makan dan minum boleh dibeli di kafeteria.
- Pelajar **diwajibkan** menginap di asrama sepanjang semester Sesi I : 2024/2025.
- Pelajar digalakkan membawa pelitup muka (face mask) dan cecair sanitasi tangan bagi keperluan pelajar di kampus.

## 2.4 JADUAL BAYARAN

**Nota:**

- a. Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian, Asrama dan Bayaran Pelbagai.
- b. Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- c. Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN										
1	Yuran Pengajian	200.00	<p>Segala bentuk bayaran (Yuran Pengajian dan Asrama) hanya melalui <b>JomPAY Politeknik Port Dickson</b> sahaja. Pihak Politeknik Port Dickson tidak menerima bayaran secara tunai. (Rujuk Lampiran D: Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian &amp; Asrama)</p>										
2	Yuran Asrama	630.00 (Perempuan)	<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td><b>Tarikh Mula Bayar</b></td> <td style="text-align: center;">05 Ogos 2024</td> </tr> <tr> <td><b>Tarikh Akhir Bayar</b></td> <td style="text-align: center;">22 Ogos 2024</td> </tr> <tr> <td><b>JomPAY Politeknik Port Dickson</b></td> <td style="text-align: center;"><b>Biller Code: 808030</b></td> </tr> <tr> <td><b>Reference 1</b></td> <td style="text-align: center;"><b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> ( tanpa tanda - )</td> </tr> <tr> <td><b>Reference 2</b></td> <td style="text-align: center;">Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - )</td> </tr> </table>	<b>Tarikh Mula Bayar</b>	05 Ogos 2024	<b>Tarikh Akhir Bayar</b>	22 Ogos 2024	<b>JomPAY Politeknik Port Dickson</b>	<b>Biller Code: 808030</b>	<b>Reference 1</b>	<b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> ( tanpa tanda - )	<b>Reference 2</b>	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - )
<b>Tarikh Mula Bayar</b>	05 Ogos 2024												
<b>Tarikh Akhir Bayar</b>	22 Ogos 2024												
<b>JomPAY Politeknik Port Dickson</b>	<b>Biller Code: 808030</b>												
<b>Reference 1</b>	<b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> ( tanpa tanda - )												
<b>Reference 2</b>	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - )												
3	Bayaran Pelbagai	237.00	<p>Segala bentuk bayaran (Bayaran Pelbagai) hanya melalui <b>JomPAY Koperasi Politeknik Port Dickson</b> sahaja. Pihak Politeknik Port Dickson tidak menerima bayaran secara tunai. (Rujuk Lampiran D: Tatacara Pembayaran Yuran Pelbagai)</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td><b>Tarikh Mula Bayar</b></td> <td style="text-align: center;">05 Ogos 2024</td> </tr> <tr> <td><b>Tarikh Akhir Bayar</b></td> <td style="text-align: center;">22 Ogos 2024</td> </tr> <tr> <td><b>JomPAY Koperasi Politeknik Port Dickson</b></td> <td style="text-align: center;"><b>Biller Code: 45146</b></td> </tr> <tr> <td><b>Reference 1</b></td> <td style="text-align: center;"><b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> ( tanpa tanda - )</td> </tr> <tr> <td><b>Reference 2</b></td> <td style="text-align: center;">Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - )</td> </tr> </table>	<b>Tarikh Mula Bayar</b>	05 Ogos 2024	<b>Tarikh Akhir Bayar</b>	22 Ogos 2024	<b>JomPAY Koperasi Politeknik Port Dickson</b>	<b>Biller Code: 45146</b>	<b>Reference 1</b>	<b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> ( tanpa tanda - )	<b>Reference 2</b>	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - )
<b>Tarikh Mula Bayar</b>	05 Ogos 2024												
<b>Tarikh Akhir Bayar</b>	22 Ogos 2024												
<b>JomPAY Koperasi Politeknik Port Dickson</b>	<b>Biller Code: 45146</b>												
<b>Reference 1</b>	<b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> ( tanpa tanda - )												
<b>Reference 2</b>	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - )												
4	Hanya <b>PELAJAR PEREMPUAN SAHAJA</b> diberikan kemudahan penginapan asrama.												
5	Pembayaran perlu dilakukan kepada 2 Akaun JomPAY, iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <li>i) JomPAY Politeknik Port Dickson, <b>Biller Code 808030</b> (Yuran Pengajian dan Asrama)</li> <li>ii) JomPAY Koperasi Politeknik Port Dickson, <b>Biller Code 45146</b> (Bayaran Pelbagai).</li> </ol>												

## 2.5 PINJAMAN DAN BIASISWA PENDIDIKAN

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain. Pelajar dinasihatkan untuk memohon pinjaman pendidikan jika perlu. Penaja utama bagi pelajar di Politeknik Port Dickson adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Sila layari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) untuk membuat permohonan pinjaman.

Sebelum membuat permohonan, pastikan anda telah:

- ✓ Menerima tawaran Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- ✓ Mempunyai salah satu nombor akaun SSPN
- ✓ Mempunyai akaun bank mengikut panel bank IPT anda. Bagi Politeknik Port Dickson, panel bank ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).
- ✓ Membuat semakan jadual permohonan dan bayaran pinjaman.

Tarikh permohonan pinjaman PTPTN bagi Kelompok 1 adalah pada **01 sehingga 31 Ogos 2024**, manakala bagi Kelompok 2 pula adalah pada **01 sehingga 30 September 2024**.

Bagi pelajar yang ingin memohon pinjaman dan bantuan lain, pelajar boleh merujuk kepada senarai penaja dan layari laman web yang tertera di bawah untuk maklumat lanjut:

Bil.	Nama Penaja	Laman Web
1.	Yayasan Negeri Sembilan	<a href="http://www.yns.gov.my/v6/">http://www.yns.gov.my/v6/</a>
2.	Yayasan Terengganu	<a href="http://www.ytrg.terengganu.gov.my">http://www.ytrg.terengganu.gov.my</a>
3.	Yayasan Sarawak	<a href="http://yayasansarawak.org.my">http://yayasansarawak.org.my</a>
4.	Yayasan Sabah	<a href="http://www.ysnet.org.my">http://www.ysnet.org.my</a>
5.	Yayasan Pahang	<a href="http://www.yip.org.my">http://www.yip.org.my</a>
6.	Yayasan Selangor	<a href="http://www.yayasanselangor.org.my">http://www.yayasanselangor.org.my</a>
7.	Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor	<a href="http://www.selangor.gov.my">http://www.selangor.gov.my</a>
8.	Yayasan Perak	<a href="http://www.yayasanperak.com.my">http://www.yayasanperak.com.my</a>
9.	Yayasan Wilayah Persekutuan	<a href="http://www.yayasanwp.org">http://www.yayasanwp.org</a>
10.	Yayasan Pelajaran Johor	<a href="http://www.yipj.gov.my/v1/">http://www.yipj.gov.my/v1/</a>
11.	Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)	<a href="http://www.yakin.kelantan.gov.my">www.yakin.kelantan.gov.my</a>
12.	Tabung Baitulmal	Mengikut negeri masing-masing
13.	Bantuan Zakat	Mengikut negeri masing-masing

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Pinjaman dan Biasiswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, di talian 06-6622014/2011/2036 atau melalui emel: [jhep@polipd.edu.my](mailto:jhep@polipd.edu.my)

### 3.1 KOD ETIKA PAKAIAN PELAJAR

**KOD ETIKA PAKAIAN PELAJAR**

- Rambut pendek serta tidak berwarna
- Memakai Kad Pelajar
- Bertudung & Menutup Aurat (Muslim)
- Rambut Diikat Kemas (Bukan Muslim)
- Baju Kemeja / T-Shirt Berkolar
- Tuck In
- Seluar Slack / Khakis
- ANDA DILARANG MEMAKAI
  - T-Shirt Round Neck
  - Seluar Jeans
- ANDA DILARANG MEMAKAI
  - Baju Ketat
  - Seluar Skinny / Palazzo
- Longgar & Labuh Bawah Paras Punggung
- Memakai pelitup muka
- Kasut Bertutup

**ZON LARANGAN MEROKOK** 

\*Pemakaian seluar Jeans tidak dibenarkan sama sekali sepanjang keberadaan Pelajar di Kampus dan di Asrama

## 4.1 MAKLUMAT TAMBAHAN

PERKARA	CATATAN
<b>PEMBAYARAN YURAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua <b>yuran</b> dan <b>bayaran pelbagai</b> perlu dijelaskan melalui JomPAY <b>sahaja</b> sebelum mendaftar di Politeknik Port Dickson.</li> <li>ii. Pembayaran perlu dilakukan kepada 2 Akaun JomPAY, iaitu JomPAY Politeknik Port Dickson (Yuran Pengajian dan Asrama) dan JomPAY Koperasi Politeknik Port Dickson (Bayaran Pelbagai).</li> <li>iii. Sila patuhi kaedah bayaran (rujuk perkara 2.4). Sebarang kesilapan ketika membuat bayaran adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa dan pelajar sendiri.</li> <li>iv. Bagi pelajar di bawah tajaan biasiswa, sila emelkan surat tajaan kepada Pegawai Pinjaman &amp; Biasiswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dengan <b>KADAR SEGERA</b> sebelum dibenarkan untuk membuat pendaftaran online. Alamat emel: <a href="mailto:jhep@polipd.edu.my">jhep@polipd.edu.my</a></li> <li>v. Sila maklumkan nama pelajar, no. kad pengenalan dan no. telefon pelajar untuk memudahkan urusan.</li> </ul>
<b>PERMOHONAN SURAT PENGESAHAN PELAJAR</b> (Bagi urusan pengeluaran KWSP, zakat, bantuan kewangan dan lain-lain)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar boleh membuat permohonan melalui pautan <a href="https://mylink.la/myjhep_ppd">https://mylink.la/myjhep_ppd</a> selepas mendaftar dan melapor diri sebagai pelajar Politeknik Port Dickson.</li> <li>ii. Surat berkenaan akan disiapkan dalam tempoh 7 hari bekerja.</li> <li>iii. Pelajar akan dimaklumkan melalui emel.</li> </ul>
<b>KHUSUS BAGI PELAJAR BIDANG KEJURUTERAAN SAHAJA</b>	<p>Pelajar bidang kejuruteraan digalakkan untuk mempunyai Kasut Keselamatan (<i>Safety Shoe</i>) yang diluluskan oleh SIRIM bagi kegunaan kerja-kerja amali dibengkel.</p> <p>Pelajar boleh mendapatkan senarai Kelengkapan Pelindung Diri (KPD) yang diluluskan melalui pautan berikut:  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/recognized-list/approved-list-sub/personal-protection-equipment-ppe/feet-protection">https://www.dosh.gov.my/index.php/recognized-list/approved-list-sub/personal-protection-equipment-ppe/feet-protection</a></p>
<b>HUBUNGI KAMI</b>	<p>Jabatan Hal Ehwal Pelajar,          Politeknik Port Dickson,          KM14, Jalan Pantai,          71050 Si Rusa,          Negeri Sembilan.  <b>06-662 2014 / 2036 / 2011</b>  <a href="mailto:jhep@polipd.edu.my">jhep@polipd.edu.my</a>  <a href="mailto:pengambilan@polipd.edu.my">pengambilan@polipd.edu.my</a></p>

## 4.2 KOD ETIKA PAKAIAN PELAJAR KHUSUS BAGI PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN SAHAJA

HARI	PROGRAM	RUPA DIRI LELAKI	RUPA DIRI WANITA
<b>ISNIN</b>	<b>DAT &amp; DPR</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack, bertali leher, berkasut & stokin.	-Pakaian formal: Baju kurung atau pakaian bersesuaian yang sopan (bagi yang non muslim) dan berkasut sepatu.
<small>*DAT - Diploma Akauntansi DPR - Diploma Pemasaran DSK - Diploma Sains Kesetiausahaan</small>	<b>DSK</b>	-Pakaian Korporat: Blazer, kemeja, tali leher, seluar slack hitam, kasut PVC/Kulit & stokin.	-Pakaian korporat: Blazer, kemeja, tudung (pelajar muslim), skirt labuh hitam, kasut PVC/Kulit bertumit 1.5 inci & stoking.
<b>SELASA</b>	<b>DAT &amp; DPR</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher dan kasut & stokin / baju koporat JP/Politeknik.	-Pakaian formal: Baju kurung, atau pakaian bersesuaian yang sopan (bagi yang non muslim) & berkasut.
<small>*DAT - Diploma Akauntansi DPR - Diploma Pemasaran DSK - Diploma Sains Kesetiausahaan</small>	<b>DSK</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher dan kasut & stokin / baju koporat JP/Politeknik.	-Baju kurung/kemeja & skirt labuh/pakaian tradisional kaum yang longgar, kasut PVC/Kulit bertumit 1.5inci.
<b>RABU</b>	<b>DAT, DPR &amp; DSK</b>	-Pakaian sukan / ko-kurikulum (bagi yang mengambil ko-kurikulum).	-Pakaian sukan / ko-kurikulum (bagi yang mengambil ko-kurikulum).
	<b>DSK</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher, berkasut.	-Baju kurung / kemeja & skirt labuh/pakaian tradisional kaum yang longgar, kasut PVC bertumit 1.5inci.
<small>*DAT - Diploma Akauntansi DPR - Diploma Pemasaran DSK - Diploma Sains Kesetiausahaan</small>	<b>DAT &amp; DPR</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher, berkasut.	-Pakaian formal : Baju kurung, atau pakaian bersesuaian yang sopan (bagi yang non muslim) & berkasut.
<b>KHAMIS</b>	<b>DAT &amp; DPR</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher, berkasut & stokin. -Digalakkan memakai baju Batik Malaysia.	-Pakaian formal: Baju kurung dan berkasut sepatu. Digalakkan memakai baju Batik Malaysia.
<small>*DAT - Diploma Akauntansi DPR - Diploma Pemasaran DSK - Diploma Sains Kesetiausahaan</small>	<b>DSK</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher, berkasut & stokin. -Digalakkan memakai baju Batik Malaysia.	-Baju Batik Malaysia @ Baju kurung@ Kemeja dan Skirt Labuh@ pakaian tradisional kaum yang longgar, Kasut PVC/Kulit tumit 1.5 inci.
<b>JUMAAT</b>	<b>DAT &amp; DPR</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher, berkasut & stokin. (Digalakkan memakai baju Melayu lengkap bersampin dan bersongkok)	-Pakaian formal : Baju kurung atau yang pakaian bersesuaian yang sopan (bagi yang non-muslim), berkasut.
<small>*DAT - Diploma Akauntansi DPR - Diploma Pemasaran DSK - Diploma Sains Kesetiausahaan</small>	<b>DSK</b>	-Pakaian formal: Kemeja, seluar slack & bertali leher, berkasut & stokin. (Digalakkan memakai baju Melayu lengkap bersampin dan bersongkok)	-Baju kurung /Kemeja dan Skirt Labuh /pakaian tradisional kaum yang longgar, Kasut PVC/Kulit tumit 1.5 inc @ Pakaian Kebangsaan


# LAMPIRAN A

## PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR SECARA DALAM TALIAN


1. Selepas 48 jam (waktu bekerja) membuat bayaran yuran, sila layari pautan berikut untuk pendaftaran secara atas talian:

<http://spmp.polipd.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>


2. Masukkan No. Kad Pengenalan pada ruangan No KP Calon. Kemudian, klik pada butang "Teruskan"




3. Skrin ini dipaparkan apabila calon masih belum membuat apa-apa bayaran yuran. Sila buat pembayaran terlebih dahulu atau tunggu sehingga 48 jam (waktu bekerja) sekiranya pembayaran telah dibuat.



4. Skrin di bawah dipaparkan apabila calon telah membuat bayaran yuran. Untuk membuat pendaftaran online, klik pada butang "Teruskan Untuk Pendaftaran" pada langkah 4.



5. Muatnaik gambar berukuran passport (rujuk lampiran B). Calon **WAJIB** mencetak Slip Pendaftaran Dalam Talian dan **WAJIB** menyertai group telegram yang telah disediakan.





## LAMPIRAN B


### PANDUAN MUATNAIK GAMBAR

Pelajar diwajibkan memuat naik gambar berukuran passport di laman sesawang "Pendaftaran Pelajar Baharu Online" serta menyimpan Sesalinan Lembut (*Soft Copy*) gambar tersebut di dalam telefon pintar masing-masing. Arahan ini adalah mandatori dan kegagalan menyediakannya akan melambatkan proses pendaftaran pelajar pada hari serahan dokumen.

#### Ciri-Ciri Gambar :-


1. Gambar berukuran sekurang-kurangnya 158px @ 5.57cm X 121px @ 4.27cm.
2. Format gambar.jpg.
3. Gambar dengan latarbelakang berwarna biru (kecuali anggota tentera).
4. Gambar menghadap ke hadapan.
5. Tidak memakai purdah, serban atau kopiah.

#### CONTOH GAMBAR



## CONTOH-CONTOH GAMBAR TIDAK DITERIMA

1. Tidak mengikuti spesifikasi pekeliling;
2. Gambar tidak ada atau tidak dihantar dalam bentuk .jpg;
3. Latarbelakang tidak mengikuti ciri-ciri passport;
4. Gambar tidak berkualiti.



## LAMPIRAN C

### DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA SEMASA HARI LAPOR DIRI

Bagi melancarkan proses perjalanan semasa hari lapor diri, pelajar perlu menyediakan dua sampul berlainan yang siap ditulis nama, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran pada bahagian hadapan sampul tersebut.

**SAMPUL 1** (Diserahkan di Asrama) perlu di isi dengan dokumen-dokumen berikut:

- 1 salinan Slip Pengesahan Pendaftaran dalam Talian
- PK-ASR-02
- PK-ASR-03
- PK-ASR-06
- Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia (Beserta Salinan Resit Bayaran)

**SAMPUL 2** (Diserahkan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar) perlu di isi dengan dokumen-dokumen berikut:

- Senarai Semak & Borang BHEP1- BHEP6
- 1 salinan Slip Pengesahan Pendaftaran dalam Talian
- 2 salinan resit bayaran pelbagai
- 1 keping gambar berukuran passport (Tulis nama & no KP di belakang gambar)



Segala borang yang berkaitan boleh dimuat-turun di Portal Rasmi Politeknik Port Dickson melalui pautan berikut:

<https://polipd.mypolycc.edu.my/index.php/kemasukan-pelajar-baharu-sesi-i-2024-2025-tawaran-susulan>

SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN ASRAMA  
(SAMPUL 1)

NAMA PENUH PE LAJAR:	NO. BILIK:
<b>DOKUMEN</b>	<b>SENARAI SEMAK</b>
SLIP PENGESAHAN PENDAFTARAN DALAM TALIAN (ONLINE) PK-ASR-01	<input type="checkbox"/>
PK-ASR-02	<input type="checkbox"/>
PK-ASR-03	<input type="checkbox"/>
PK-ASR-06	<input type="checkbox"/>
BORANG KEAHLIAN PELAJAR MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA (Beserta salinan resit bayaran)	<input type="checkbox"/>

\* perlu di tanda sendiri oleh pelajar

UPK12/23

\* NO. BILIK - sila rujuk di SLIP PENGESAHAN PENDAFTARAN DALAM TALIAN (online)

Sila cetak dan tampal dibahagian hadapan sampul 1 (Rujuk contoh di Lampiran C)

\* Sila cetak dan tampal dibahagian hadapan sampul 1 (Rujuk contoh di Lampiran C)


## LAMPIRAN D

### TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN, ASRAMA DAN BAYARAN PELBAGAI


**Langkah 1:** Log Masuk ke Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking*.  
(*Maybank2u adalah sebagai medium contoh sahaja. JomPay boleh dibayar menggunakan mana-mana Perbankan Pilihan*)



**Langkah 2:** Pilih JomPay pada menu *Pay To*




**Langkah 3:** Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:



JENIS BAYARAN	JUMLAH	BILLER CODE	REFERENCE 1	REFERENCE 2
<b>Yuran Pengajian</b>	RM 200	<b>808030</b>	Nombor Kad Pengenalan Pelajar ( tanpa tanda - ) Contoh 040404064211	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - ) Contoh 0175421110
<b>Asrama</b>	RM 630 (Pelajar Perempuan Sahaja)	<b>808030</b>	Nombor Kad Pengenalan Pelajar ( tanpa tanda - ) Contoh 040404064211	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - ) Contoh 0175421110
<b>Bayaran Pelbagai</b>	RM 237	<b>45146</b>	Nombor Kad Pengenalan Pelajar ( tanpa tanda - ) Contoh 040404064211	Nombor Telefon Pelajar ( tanpa tanda - ) Contoh 0175421110

- \* Pastikan Biller Code yang betul bagi setiap bayaran. Kesilapan Biller Code akan menyebabkan bayaran tidak diterima oleh Politeknik Port Dickson
- \* **Reference 1** adalah **Nombor Kad Pengenalan Pelajar**, bukan **No. Kad Pengenalan Iubapa / Penjaga**. Kesilapan meletakkan Nombor Kad Pengenalan menyebabkan pihak Politeknik tidak dapat mengesan pembayaran pelajar.
- \* **Reference 2** adalah **Nombor Telefon Pelajar**, bukan **No. Tel. Iubapa / Penjaga** untuk pihak Politeknik hubungi sekiranya terdapat urusan berkaitan.
- \* Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.


**Langkah 4:** Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan pembayaran. Request TAC dan masukkan nombor TAC.



The screenshot shows the Maybank2u mobile app interface. At the top, there is a navigation bar with the Maybank2u logo and menu items: MY ACCOUNTS, PAY & TRANSFER, APPLY, and CONTACT US. Below the navigation bar, there is a status bar indicating the last login time: "Your last login was on Monday, 30 August 2021 at 23:18:29". The main content area is divided into three tabs: PAY, TRANSFER, and RELOAD. The PAY tab is selected. The screen displays the following information:

- Pay From Savings Account-i
- Available Balance [Redacted]
- Pay To PPD via PPD RM 200.00
- Billier Code: 808030
- Effective date: Today 2 September 2021
- Ref-1: 031030031003
- Ref-2: 0113551136
- Total Amount: RM 200.00

**Langkah 5:** *Unique JomPay Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



The screenshot shows the Maybank2u mobile app interface after a successful payment. The navigation bar and status bar are the same as in the previous screenshot. The main content area is divided into three tabs: PAY, TRANSFER, and RELOAD. The PAY tab is selected. The screen displays the following information:

- Pay From Savings Account-i
- Available Balance [Redacted]
- ✓ Pay To PPD via PPD RM [Redacted]
- Add to Favourite button
- Billier Code: 808030
- Effective date: Today 2 September 2021
- Ref-1: [Redacted]
- Ref-2: [Redacted]
- JomPAY Reference ID: 892N1CTV
- Reference ID: 0514777790

**Langkah 6:** Ulang Langkah 1-5 untuk yuran asrama dan bayaran pelbagai. Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan pelajar. Pelajar boleh meneruskan pendaftaran dalam talian selepas **48 jam (Waktu Bekerja)** dari tempoh pembayaran di:



<http://spmp.polipd.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

LAMPIRAN E  
FASILITI DI POLITEKNIK PORT DICKSON





**SENARAI SEMAK PERSEDIAAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU  
POLITEKNIK PORT DICKSON**

No	Perkara	Rujukan	Semak
1	Menghantar Borang Jawapan Tawaran (BJT) dan salinan dokumen/sijil yang berkaitan ke Politeknik Port Dickson.		
2	Membuat bayaran yuran selepas menyemak status penerimaan borang BJT.	Rujuk Perkara 2.4	
3	Mendaftar secara dalam talian di <a href="http://spmp.polipd.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp">http://spmp.polipd.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp</a> dan mencetak salinan Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian.	Rujuk Lampiran A	
4	Memuatnaik gambar berukuran passport di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar serta menyimpan Sesalinan Lembut (Soft Copy) gambar tersebut di dalam telefon pintar masing-masing.	Rujuk Lampiran B	
5	Melengkapkan Sampul 1 dan Sampul 2 serta diserahkan di kaunter yang disediakan.	Rujuk Lampiran C	
6	Sertai group Telegram Pelajar Baharu Sesi I 2024/2025 Politeknik Port Dickson. <a href="https://t.me/+9Btr3998KfRmMzU1">https://t.me/+9Btr3998KfRmMzU1</a>		
7	Sertai group Telegram PTPTN Pelajar Politeknik Port Dickson. <a href="https://t.me/fiqainfoptptn">https://t.me/fiqainfoptptn</a>		
8	Buku Panduan Dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti Edisi Pertama. <a href="https://shorturl.at/JmP5b">https://shorturl.at/JmP5b</a>	